

**BANK ISLAM**

Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

**MENANGANI KESAN PANDEMIK COVID-19  
MENGEKALKAN  
KESEJAHTERAAN  
PIHAK  
BERKEPENTINGAN**

Hubungi kami di :



603 26 900 900

Layari kami di :



[www.bankislam.com](http://www.bankislam.com)

Ikuiti kami di :



BankIslamFB



[bankislam](https://www.instagram.com/bankislam)

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تَأْكُلُونَ

Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan.

ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعٌ شِدَادٌ يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تُحْصِنُونَ

Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemaraunya yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih).

ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يَعْصِرُونَ

"Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)"

Surah Yusuf (Ayat 47 – 49)

## LATAR BELAKANG

Penularan wabak COVID-19 telah memberikan kesan yang serius terhadap ekonomi Malaysia, menerusi penurunan kadar keuntungan, penyusutan keuntungan dalam pasaran ekuiti global serta pengurangan program-program perolehan aset. Sungguhpun impak ekonomi jelas dirasai di peringkat global, namun kesemua pihak berkepentingan kami – daripada pelanggan dan rakan perniagaan sehinggalah masyarakat umum dan komuniti – turut menerima kesan negatif daripada penyebaran virus ini. Di Bank Islam, fokus kami adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pihak-pihak berkepentingan dan membantu mereka bangkit semula menerusi pelaksanaan langkah-langkah yang mampan.

Komitmen kami untuk merealisasikan usaha **Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI)** akan menyaksikan Bank ini terus memberikan penekanan kepada membantu para pelanggan dan rakan-rakan niaga kami untuk menangani impak ekonomi, menyokong komuniti dalam mendepani cabaran sosioekonomi dan menyampaikan nilai-nilai yang mampan kepada pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat serta kemakmuran dan kekayaan negara terus terpelihara.

Bank Islam akan melaksanakan langkah-langkah, seperti yang dianjurkan **Bank Negara Malaysia (BNM)**, bagi memastikan perkara-perkara berikut:



- Fungsi pengantara kewangan oleh sektor kewangan terus kekal
- Terus menyediakan akses kemudahan kewangan dan perbankan
- Institusi perbankan terus memberi tumpuan kepada menyokong ekonomi negara dalam persekitaran yang luar biasa

Langkah-langkah yang diambil memberi fokus kepada yang berikut:

- Moratorium terhadap pembiayaan dan pembiayaan semula
- Had pembiayaan
- Penggunaan pinjaman terhadap modal kehematan dan penimbal kecairan
- Kajian semula keperluan pelaporan kewangan, statistik dan kawal selia

## MESEJ DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum w.b.t. & salam sejahtera kepada semua rakan niaga, pelanggan dan warga kerja Bank Islam,

Pertama-tamanya, ingatan kami adalah bersama-sama mereka yang secara peribadi terjejas oleh wabak COVID-19. Ini merupakan peristiwa yang belum pernah dilalui sebelum ini, dengan hampir semua perniagaan digantung sementara dan kehidupan sebagaimana biasa terhenti.

Dalam keadaan yang sangat sukar ini, saya kagum dengan respons masyarakat sekeliling dan daya tahan yang mereka tunjukkan. Orang ramai melakukan apa jua yang perlu untuk meneruskan kehidupan disamping menyumbang ke arah menangani pandemik ini selain berusaha untuk memperbaiki kehidupan untuk semua. Kakitangan perubatan, termasuk para doktor dan jururawat terus menjalankan tugas merawat pesakit dan menjaga mereka yang dijangkiti, walaupun berdepan dengan risiko yang akan turut menjejaskan kesihatan mereka. Pekerja-pekerja di pasaraya terus menjalankan tugas setiap hari bagi memastikan bekalan penting sedia tersusun dengan baik, dan mereka yang menjalankan perniagaan penyediaan makanan terus berusaha untuk memastikan tiada yang kelaparan. Masih ramai lagi yang tidak kita lihat sumbangannya; mereka yang menjaga keluarga, sahabat atau golongan yang memerlukan. Kita terus mendengar dan melihat pelbagai kebaikan yang dilakukan dan di saat yang mencabar seperti ini, rakyat bersatu padu untuk membantu antara satu sama lain.

Saya juga ingin berkongsi kekaguman saya terhadap warga Bank Islam di seluruh negara; bagaimana mereka menjalankan tugas berterusan untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan rakan sekerja yang lain, kesinambungan perniagaan kami, keselamatan berterusan para pelanggan dan rakan niaga, serta kesejahteraan komuniti di mana kami beroperasi. Bank Islam berusaha sedaya upaya untuk memelihara amalan perniagaannya yang bertanggungjawab dan memastikan semua pihak berkepentingannya dilindungi daripada sebarang musibah. Selaras dengan langkah-langkah kerajaan untuk melindungi kehidupan rakyat, saya ingin maklumkan bahawa kami terus maju ke hadapan di dalam situasi yang tidak menentu ini dengan strategi memastikan kesejahteraan pihak berkepentingan kami terpelihara. Sebagai sebuah bank, kami telah mengambil langkah untuk memastikan para pelanggan dan rakan niaga selamat, dan mereka masih boleh mengakses perkhidmatan kami dengan mudah. Kami juga telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan warga kerja, para pelanggan dan rakan-rakan niaga kami sentiasa dimaklumkan tentang situasi dan tindakan terkini agar risiko kepada mereka dan perniagaan kami dapat dikurangkan. Strategi utama perniagaan kami adalah terus maju ke hadapan untuk memastikan kemampuan perniagaan dan kesejahteraan pihak-pihak berkepentingan. Dengan gigih kami telah melaksanakan inisiatif untuk memelihara daya tahan kewangan para pelanggan dan sara hidup masyarakat, dan mempersiapkan diri untuk sebarang kemungkinan Sebagaimana yang dimaklumkan kerajaan melalui dasar-dasar penyesuaian.

Saya amat menghargai dan berterima kasih kepada mereka yang bekerja keras bukan hanya untuk Bank Islam, tetapi juga mereka yang mendepani cabaran untuk memastikan kemakmuran negara agar kita semua dapat terus menjalani kehidupan seperti biasa. Walaupun kita dinasihatkan untuk mengasingkan diri dan mengamalkan jarak sosial, adalah penting untuk diingat bahawa seluruh dunia turut menghadapi situasi ini, dan kita semua perlulah bersatu padu dalam menghadapi masalah ini.

Saya amat menghargai dan berterima kasih kepada mereka yang bekerja keras bukan hanya untuk Bank Islam, tetapi juga mereka yang mendepani cabaran untuk memastikan kemakmuran negara agar kita semua dapat terus menjalani kehidupan seperti biasa. Walaupun kita dinasihatkan untuk mengasingkan diri dan mengamalkan jarak sosial, adalah penting untuk diingat bahawa seluruh dunia turut menghadapi situasi ini, dan kita semua perlulah bersatu padu dalam menghadapi masalah ini.

Ini sememangnya satu krisis yang tidak dijangka tetapi saya benar-benar percaya bahawa bersama-sama, kita akan dapat mengekalkan daya tahan untuk menangani krisis ini dan cabaran-cabaran lain yang bakal mendatang dan kita lebih berpengalaman menanganinya.

Jaga diri dan Waalaikumussalam w.b.t.



**Mohd Muazzam Mohamed**

## MELINDUNGI ORANG RAMAI, PARA PELANGGAN DAN WARGA KERJA

Memandangkan kerajaan kini melaksanakan perancangannya, termasuklah **Perintah Kawalan Pergerakan** untuk membendung wabak virus ini, kami juga telah mengambil tindakan tegas untuk melindungi orang ramai dan para pelanggan, selain rakan sekerja dan ahli keluarga mereka.

Kami mengikuti nasihat daripada kerajaan dan pihak berkuasa kesihatan, dan secara proaktif melaksanakan pelbagai langkah berjaga-jaga untuk memastikan mereka diberikan perlindungan terbaik agar pelanggan dan orang ramai boleh terus mengakses perkhidmatan perbankan dan rakan sekerja kami dapat menjalankan tugas mereka untuk memastikan perkhidmatan yang lebih baik.



- Beberapa cawangan Bank Islam ditutup sementara, manakala cawangan-cawangan lain terus beroperasi dengan kakitangan yang dikurangkan. Kami telah memendekkan waktu operasi Cawangan Bank Islam terpilih untuk menerima pelanggan.
- Kami telah memperkenalkan waktu bekerja yang disingkatkan untuk cawangan Bank Islam terpilih yang kekal dibuka untuk para pelanggan.
- Kami telah mengeluarkan garis panduan dan notis kepada para pelanggan berhubung 'jarak sosial' dan menggalakkan pelanggan kami menggunakan Perbankan Internet untuk melakukan transaksi dan urusan perbankan mereka.
- Untuk membendung penularan virus ini, kami telah melaksanakan langkah-langkah termasuk sanitasi dan protokol pembersihan yang ketat, jarak di tempat kerja, dan sekatan perjalanan untuk warga kerja. Imbasan suhu badan turut dilakukan ke atas pelanggan yang memasuki cawangan Bank dan lain-lain kawasan.
- Mesin ATM Bank sentiasa dibersihkan dengan bahan sanitasi dan tisu disediakan untuk pelanggan di Pusat Perbankan Elektronik (EBC). Kami juga mengambil langkah memastikan pelanggan di EBC berbaris dalam jarak minimum 1-meter antara satu sama lain.
- Kami telah mengeluarkan garis panduan kepada cawangan berhubung langkah perlindungan diri yang betul. Pekerja kami diminta memakai topeng muka dan menyediakan *hand sanitizer* untuk kegunaan pelanggan. Kami juga telah mengagihkan topeng muka ke cawangan-cawangan di kawasan yang mempunyai kadar jangkitan yang tinggi.

Dalam keadaan semasa yang mencabar, langkah-langkah Bank Islam yang sejajar dengan BNM memberi penekanan terhadap:

## MELINDUNGI KELANGSUNGAN KEWANGAN PENGGUNA

- Penangguhan automatik** pembayaran atau pembayaran semula kesemua kemudahan pembiayaan (peribadi, perumahan dan kenderaan) untuk tempoh enam bulan, termasuk pengecualian terhadap caj pembayaran lewat. (Pemberian moratorium adalah tertakluk kepada syarat bahawa pelanggan tidak mempunyai pembiayaan tertunggak yang melebihi 90 hari setakat 1 April 2020.)
- Baki kad kredit boleh ditukarkan kepada pembiayaan berjangka yang tidak melebihi tiga tahun pada kadar pembiayaan tidak lebih daripada 13% setahun.
- Kemudahan Penjadualan dan Penstrukturan Semula** bagi menyediakan bantuan kewangan kepada pelanggan yang memerlukan, termasuk individu dan perniagaan. Pelanggan dibenarkan untuk membuat pembayaran semula pada kadar yang lebih rendah bagi membenarkan mereka menguruskan aliran tunai dengan lebih baik.

## MENGEKALKAN EKONOMI SEBENAR

- Penangguhan automatik pembayaran semula pembiayaan bagi pemilik perniagaan perusahaan kecil dan sederhana ("PKS") bagi tempoh enam bulan.
- Kemudahan Kelonggaran Khas PKS** untuk meringankan kesukaran aliran tunai jangka pendek yang dihadapi pemilik perniagaan PKS.
- SME i-Gain**, sebuah akaun urus niaga pelaburan semasa yang memberikan pulangan sehingga 2% bagi pelanggan PKS yang ditawarkan sehingga bulan Jun 2020.

## Program iTEKAD

Susulan pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri, **YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin**, mengenai **Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat 2020** yang direka untuk melindungi ekonomi negara daripada kesan pandemik COVID-19, BNM telah memperkenalkan program iTEKAD yang memberi tumpuan kepada sokongan bagi penjana pendapatan yang mampan serta mempertingkatkan daya tahan kewangan perusahaan mikro yang dimiliki golongan B40.

Bank Islam telah menjadi **bank Islam pertama** yang mengambil bahagian dalam program ini dan menerusi platform pembiayaan sosialnya, **Sadaqa House**, akan memanfaatkan sumbangan Zakat untuk menghasilkan pakej pembiayaan mikro kepada penerima yang layak.

Seramai **100 orang penerima** dijangka akan menerima manfaat pada fasa pertama program yang dijangka diperkenalkan ada **Mei 2020**. Bagi memastikan keberkesanan program dan kejayaan perniagaan terlibat, iTEKAD akan bekerjasama dengan **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)** dan **SME Corporation Malaysia (SME Corp)** bagi menyediakan latihan keusahawanan dan pengurusan kewangan berstruktur bagi setiap penerima.

## PELABURAN MAMPU MILIK

Bank Islam menerajui usaha dalam mewujudkan dan memelihara kekayaan menerusi pelaburan mampu milik kepada semua peringkat masyarakat menerusi pengenalan **BEST Invest**. Dilihat sebagai yang pertama seumpamanya di dunia, aplikasi **Pelaburan Kecerdasan-Robo Kelestarian Syariah** ini menawarkan kepada pelabur berpotensi satu sistem pelaburan berasaskan analisis yang menilai profil risiko dan matlamat pelaburan mereka dengan memperuntukkan pelaburan ke dana Unit Amanah BIMB Investment secara automatik.

Aplikasi tersebut memaksimumkan pulangan dan menguruskan risiko pelaburan dalam suatu jangka masa dengan pelaburan awal bernilai **RM10** dan **tiada yuran pendahuluan** dikenakan.



## MENYOKONG KAKITANGAN BARISAN HADAPAN DAN KOMUNITI KURANG BERKEMAMPUAN

Di saat kakitangan barisan hadapan, termasuk kakitangan perubatan dan anggota beruniform terus berusaha keras menangani penularan virus berkenaan; komuniti kurang berkemampuan, termasuk pemilik perniagaan kecil dan golongan pekerja akan menerima kesan yang besar melalui kehilangan sumber pendapatan dan kesukaran mendapatkan barangan isi rumah atau keperluan asas.

Bank Islam bekerjasama dengan agensi-agensinya kerajaan dalam membantu kakitangan barisan hadapan, khususnya anggota perubatan, dan menyediakan sokongan yang diperlukan oleh golongan kurang berkemampuan dalam mendampingi kesukaran yang disebabkan oleh pandemik ini.

Di bawah usaha-usaha kedermawanan ini, Bank Islam dan syarikat induknya BIMB Holdings Berhad, telah memberi komitmen sumbangan bernilai **RM1.6 juta** untuk membantu golongan yang amat terkesan akibat pandemik ini.



**Misi #MusaadahCOVID19** telah dimulakan oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 19 Mac 2020. Matlamat misi berkenaan adalah untuk menyediakan sokongan kepada kakitangan barisan hadapan dan komuniti asnaf sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

- **RM1 juta** disumbangkan kepada Tabung Misi #MusaadahCOVID19

Menerusi jalinan kerjasama dengan **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** dan **Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)**, Bank Islam menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan kecil yang juga merupakan fraterniti Sahabat AIM untuk menangani kehilangan sumber pendapatan akibat gangguan perniagaan disebabkan pandemik ini.

- **RM200,000** telah diperuntukkan bagi usaha sama ini.



Bank Islam mengambil bahagian dalam program penjana dana yang dimulakan oleh **Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM)** untuk menyediakan bantuan kepada pusat-pusat perubatan yang terlibat secara langsung memerangi penularan wabak ini.

- **RM10,000** telah disumbangkan bagi pembelian katil dan tilam bagi kegunaan kakitangan perubatan barisan hadapan di **Hospital Sungai Buloh**



Hospital Kuala Lumpur



Hospital Sungai Buloh

### Program Sokongan Bantuan Langsung

Bank Islam membantu untuk menyumbang wang tunai dan barangan asas seperti makanan kepada pelbagai rumah anak yatim dan warga emas, serta hospital dan klinik kesihatan daerah.

- Sumbangan bernilai **RM390,000** disalurkan terus kepada penerima di bawah program ini.

## KESIMPULAN

Dengan VBI sebagai nadi model perniagaan kami; nilai asas, kompas moral dan keutamaan kami adalah untuk mencapai objektif **Maqasid Syariah** dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kesejahteraan rakyat melalui pemeliharaan kekayaan, keimanan, kehidupan dan kebijaksanaan. Sebagai anggota **Kumpulan Lembaga Tabung Haji (LTH)**, niat strategik Bank Islam telah dipandu dengan baik oleh hasrat kami untuk membantu negara merealisasikan pelan pertumbuhan mampannya, di mana kami membantu membentuk masyarakat makmur yang saling menjaga antara satu sama lain dan persekitaran yang didiami bersama.

Dengan adanya langkah-langkah ini, Bank Islam berharap untuk dapat mengurangkan kesan keadaan semasa untuk semua komuniti merentas masyarakat.

Dalam masa yang sukar ini, inisiatif kami terus mencerminkan komitmen terhadap rangkuman kewangan, yang menjamin pembangunan untuk semua dan tiada siapa yang ditinggalkan ketika kita berusaha membina negara yang aman dan bermaruah.



*Bahan dan data yang terkandung dalam laporan ini hanya untuk tujuan maklumat umum sahaja. Ia dikeluarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad ('Bank Islam') dan maklumat yang terkandung di dalamnya bukan bertujuan untuk menjadi asas membuat sebarang keputusan perniagaan, undang-undang atau lain-lain keputusan.*

*Walaupun kami berusaha untuk memastikan maklumat adalah terkini dan betul, Bank Islam tidak membuat sebarang pernyataan atau jaminan, nyata atau tersirat mengenai kesempurnaan, ketepatan, kebolehpercayaan, kesesuaian atau ketersediaan berhubung dengan laporan atau maklumat, produk, perkhidmatan atau grafik berkaitan yang terkandung di dalam laporan ini untuk sebarang tujuan. Laporan ini disediakan untuk pelanggan Bank Islam dan tidak boleh diubah, disalin, dihasil, dicetak semula atau diterbitkan semula untuk apa-apa tujuan tanpa kebenaran bertulis dari Bank Islam terlebih dahulu.*